

Headline	Tahap kesihatan jemaah haji diteliti		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 May 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	13	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	89 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 797
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,391



## Tahap kesihatan jemaah haji diteliti

**KOTA BHARU** - Lembaga Tabung Haji (TH) akan mengkaji secara lebih teliti tahap kesihatan jemaah yang bakal mengerjakan Rukun Islam kelima bagi memastikan mereka benar-benar sihat untuk ke Makkah.

Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, langkah itu diambil berikutan penularan penyakit Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (Mers-CoV) di Arab Saudi yang membawa kematian.

Menurutnya, pihaknya bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk memastikan bakal jemaah haji mempunyai tahap kesihatan terbaik untuk mengelak mereka mudah dijangkiti penyakit berkenaan.

"TH mempunyai sistem saringan kesihatan terbaik dan kita sedang membuat kajian dengan teliti siapa yang akan pergi mengerjakan haji kerana kita tidak mahu jemaah pergi dan meninggal dunia di sana disebabkan masalah kesihatan.

"Kita akan pastikan tahap kesihatan mereka sebelum meluluskan permohonan. Waktu haji lambat lagi, bagi yang tidak sihat masih ada masa lagi untuk ke sana, kemungkinan tahun depan," katanya kepada media selepas merasmikan Program Membara Seminar Keusahawanan Peringkat Parlimen Pengkalan Chepa, di sini, semalam yang turut dihadiri Ketua Umno bahagian itu, Saluzi Sulaiman.

Mengulas berhubung virus itu, Abdul Azeez berkata, semua pihak perlu akur dengan peraturan ditetapkan Arab Saudi dalam usaha menangani penularannya.